

# LTH serah zakat perniagaan lebih RM10 juta

**SHAH ALAM** – Lembaga Zakat Selangor (LZS) menerima zakat perniagaan untuk negeri Selangor berjumlah RM10,129,429 daripada Lembaga Tabung Haji (LTH).

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima zakat berkenaan yang disampaikan sendiri Pengarah Urusan yang juga Ketua Pegawai Eksekutif LTH, Datuk Paduka Ismee Ismail di Istana Bukit Kayangan, di sini, semalam.

Zakat perniagaan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 itu merupakan jumlah tertinggi dibayar oleh LTH berbanding negeri-negeri lain dan tertinggi diterima LZS setakat ini.

Bayaran itu berdasarkan bila-

ngan pendeposit LTH di Selangor sepanjang tahun lalu seramai 970,795 orang.

Manakala, jumlah keseluruhan zakat perniagaan LTH seluruh negara pada tahun ini adalah sebanyak RM38,641,406.12.

Hadir sama, Pengerusi LZS, Tan Sri Datuk Seri Syed Anwar Syed Putra Jamalullail, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (Mais) Datuk Setia Mohamad Adzib Mohd Isa, Ahli Pemegang Amanah LZS, Norazharuddin Abu Talib.

Turut hadir; Timbalan Mufti Selangor; Datuk Abdul Majid Omar; Pengarah LTH Selangor; Md Ridza Mat Zain dan Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Mohamed Izam Mohamed Yusof.



**Ismee (Kiri)** menyerahkan replika cek zakat perniagaan berjumlah lebih RM10 juta kepada Sultan Sharafuddin (tengah) sambil diperhatikan Setiausaha Sulit baginda, Datuk Mohamad Munir Bani.